

## JANGAN TERPEDAYA DENGAN PAKEJ HAJI

**Kuala Lumpur, 28 Mac 2017** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) ingin menasihati orang ramai untuk berwaspada dan tidak terpengaruh dengan mana-mana maklumat dalam hal-hal berkaitan tawaran haji dan pakej haji seperti isu yang menular baru-baru ini menerusi media sosial.

Bagi musim haji 1438H/2017, **TH** telah meluluskan 20 buah syarikat pelancongan tempatan yang dikenali sebagai **Pengelola Jemaah Haji (PJH)** untuk menawarkan perkhidmatan pakej haji. **TH** tidak pernah melantik mana-mana individu perseorangan untuk menjadi perantara/orang tengah/agen dalam hal-hal berkaitan tawaran haji dan pakej haji.

Bakal-bakal haji yang telah menerima surat tawaran menunaikan haji pada tahun ini dan berhasrat menggunakan perkhidmatan pakej haji adalah dinasihatkan untuk menggunakan perkhidmatan pakej haji yang disediakan oleh PJH yang dilesenkan oleh **TH** sahaja.

**TH** ingin menegaskan bahawa mana-mana individu atau agensi pelancongan yang menawarkan perkhidmatan pakej haji tanpa memperoleh lesen PJH daripada **TH** adalah satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Senarai PJH yang menerima lesen daripada **TH** boleh didapati dari mana-mana Pejabat Cawangan **TH** atau dengan melayari laman sesawang ([www.tabunghaji.com](http://www.tabunghaji.com)) atau seperti dibawah.

<ol style="list-style-type: none"> <li>1. TH Travels &amp; Services Sdn. Bhd.</li> <li>2. Alif Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.,</li> <li>3. Andalusia Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>4. Ash-Har Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>5. Batuta Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>6. C. S. Holidays Sdn. Bhd.</li> <li>7. Citra Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>8. Felda Travel Sdn. Bhd.</li> <li>9. Gemilang Travel and Tours Sdn. Bhd.</li> <li>10. Misbah Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.,</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>11. Masamas Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>12. MKM Ticketing Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>13. Platinum Gesture Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>14. Rayhar Travels Sdn. Bhd.</li> <li>15. Syarikat Pelancungan Yaskin Sdn. Bhd.</li> <li>16. TM Tours &amp; Travel Sdn. Bhd.</li> <li>17. Touch Me Travel &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>18. Utas Travel &amp; Tours Worldwide Holidays Sdn. Bhd.</li> <li>19. Wira Saujana Travels &amp; Tours Sdn. Bhd.</li> <li>20. Zahafiz Travel &amp; Tours Sdn. Bhd</li> </ol>
--	---

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan **TH**, orang ramai boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan (THCC) kami di 03-6207 1919.

**Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji**

**-Tamat-**

## **Lembaga Tabung Haji**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 124 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.